

SSPA antara terbaik pernah diperkenal

BERITA HARIAN

26 APR 2024

W/S: 3

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan, Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang akan diumumkan dalam tempoh terdekat ini adalah antara yang terbaik pernah diperkenalkan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan skim itu juga akan membabitkan implikasi kewangan yang tertinggi pernah dilakukan kerajaan.

“Sistem (SSPA) ini antara yang terbaik pernah diperkenalkan kerajaan dan implikasi kewangannya juga tinggi, tertinggi yang pernah kita lakukan sebelum ini. Ini bukan masalah saudara-saudari, masalah kita semua untuk mencari dana lebih, kewangan lebih dan saya akan runding dengan Menteri Kewangan.

“Dengan pengiktirafan menerusi SSPA, kerajaan mengharapkan penjawat awam dapat menonjolkan prestasi lebih baik dan komited terhadap tugas. Mana-mana penjawat awam yang malas dan memaparkan prestasi lemah, tidak harus diberikan kenaikan pangkat atau menerima pengiktirafan,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Sesi Townhall Lebaran Aidilfitri Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD) bersama Perdana Menteri di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Yang turut hadir: Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dan Presiden PPTD, Datuk Seri Isham Ishak.



Anwar berucap pada Sesi Townhall Lebaran Aidilfitri Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) bersama Perdana Menteri di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

Anwar berkata, beliau mahu semua penjawat awam tahu bahawa kerajaan tidak pernah mengangap atau memandang kajian SSPA sebagai perkara ringan atau enteng.

Sebaliknya, Perdana Menteri menegaskan setiap kali dalam mesyuarat bersama KSN, KPPA dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP), beliau sentiasa mengingatkan supaya tiada kelompok penjawat awam yang rasa tertinggal atau tersisih.

“Kita mahu ambil tindakan SSPA ini secara menyeluruh dan saya mahu (ia) dilakukan bersama dengan reformasi penjawat awam.

“Jadi saya nak bagi ingatan kepada kelompok, kumpulan di luar termasuk pembangkang, jangan mainkan isu ini kerana 12 tahun tidak ada kajian sistem persaraan yang sepatutnya ber-

laku setiap 10 tahun,” katanya.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, kerajaan mengharapkan prestasi lebih baik, kerja lebih serius dengan ketua jabatan mesti pantau kerana dalam kelompok yang besar, ada yang malas, ada yang lemah.

“Saya tidak fikir orang yang malas dan prestasi lemah harus diberikan kenaikan pangkat sebagai satu perkara biasa,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, segala kemudahan untuk penjawat awam dari Semenanjung ke Sabah Sarawak atau sebaliknya, dikaji semula.

“Kita beri kemudahan tapi kita pilih dan nilai prestasi masing-masing. Kalau teruk, lembab dan malas, saya tidak fikir kita harus berikan pengiktirafan.

“Saya minta KPPA dan pimpinan bincang dengan semua, ba-

gi pandangan tetapi ‘reform’ dalam perkhidmatan awam, dalam erti kata tidak melayani kalangan kecil yang prestasinya sangat lemah,” katanya.

Perdana Menteri turut menggesa semua penjawat awam mengamalkan kecepatan dalam pelaksanaan tugas supaya dasar kerajaan dapat dilaksanakan dengan segera.

Katanya, mereka tidak lagi boleh menggunakan cara lama dan perlu menonjolkan prestasi yang cemerlang supaya setiap dasar yang diumumkan, dapat berjalan dengan baik.

Dalam perkembangan berasingan, beliau berkata, wujud keperluan menambah bilangan pemimpin wanita bagi menjawat jawatan tertinggi dalam negara seperti ketua setiausaha (KSU) dan ketua pengarah.